

DAP, PKR kena nyata pendirian

Penjelasan pelaksanaan hudud perlu elak rakyat keliru: Muhyiddin

Oleh Nazura Ngah
nazura@bharian.com.my

● BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pakatan pembangkang, khususnya DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) perlu menyatakan pendirian rasmi mereka berhubung undang-undang hudud memandangkan PAS sudah bertekad untuk meneruskan pelaksanaannya di Kelantan dan seluruh negara bagi mengelak rakyat keliru dan tertipu, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sambil menyifatkan pakatan pembangkang hanya berdalok dalam isu itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, rakyat perlu diberikan penjelasan mengenai pendirian mereka kerana PAS bertegas tetap melaksanakan undang-undang itu walaupun mesyuarat pakatan sebelum ini menolak pelaksanaannya.

"Kita sudah tahu kenyataan mereka tidak bersetuju (laksana hudud) tetapi PAS masih hendak teruskan, jadi ini akan memberi kesan pada rakyat dan rakyat hendak tahu, sebab bila sampai pilihan raya nanti rakyat hendak fikir (parti mana yang akan dipilih).

"Rakyat diletakkan dalam keadaan tak menentu, rakyat mungkin dikelirukan... saya pun nak tahu, jangan tanya apa Barisan Nasional (BN) atau UMNO punya pendirian, kita nak tahu apa pendirian pakatan. Biar Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) cakap jelas, (Lim) Kit Siang dan Karpal Singh cakap jelas dan apakah pendirian Hadi (Datuk Seri Abdul Hadi Awang) dan Nik Aziz (Datuk Nik Aziz Nik Mat).

"Kita nak tahu kerana walaupun hudud ini mengenai masyarakat Islam tetapi bukan Islam pun nak tahu, kalau tak jelas (isu ini) ia satu penipuan besar kepada rakyat," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan program seminar bersama dan sukan bagi pemimpin sektor awam Malaysia dan Singapura di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini, semalam.



MUHYIDDIN hadir pada Program Seminar dan Sukan Bersama Pemimpin Perkhidmatan Awam Malaysia dan Singapura di INTAN, semalam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pendirian UMNO dan BN terhadap undang-undang hudud adalah jelas sejak pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad dan tidak sewajarnya pakatan pembangkang khususnya PAS menyalahkan BN akibat kegagalannya melaksanakan undang-undang itu.



Kita nak tahu kerana walaupun hudud ini mengenai masyarakat Islam tetapi bukan Islam pun nak tahu, kalau tak jelas (isu ini) ia satu penipuan besar kepada rakyat

Muhyiddin Yassin
Timbalan Perdana Menteri

"Kalau pakatan pembangkang tidak keluaran pendirian rasmi, bermakna ada tujuan menipu rakyat... yang konsisten hanya Nik Aziz, yang lain tak jelas. Bagi saya yang penting bukan pendirian UMNO atau BN tetapi rakyat Islam dan bukan Islam nak tahu pendirian pakatan mengenai hudud," katanya.

Mengulas bajet alternatif pembangkang yang dijadualkan hari ini, Muhyiddin berkata mereka boleh menjanjikan bulan dan matahari tetapi kerajaan bertanggungjawab seperti BN perlu mengambil kira pelbagai aspek bukan untuk tujuan pilihan raya, sebaliknya mengambil kira kebajikan rakyat dan keupayaan kerajaan mengurus dana negara.

Sebagai contoh, katanya, *Buku Jingga* yang dijanjikan pembangkang hanya akan menyebabkan negara bankrap dalam tempoh dua tahun.

Mengenai cadangan Ketua Pemu-

da MCA, Datuk Dr Wee Ka Siong supaya kerajaan memberi subsidi RM100 seorang kepada murid daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata kerajaan perlu menilai keupayaan kewangannya.

"Cadangan itu memang baik, tetapi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita harus menilai sama ada kerajaan mempunyai keupayaan atau tidak untuk melaksanakannya... saya fikir Perdana Menteri lebih bijak untuk memberi reaksi sama ada perkara ini boleh dibuat atau tidak," katanya.

Sementara itu, mengulas pendirian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bentayan, Gwee Tiong Hiang menerima tawaran pihak mendakwa mewakili Perdana Menteri supaya meninggalkan DAP dan mengisytiharkan diri sebagai wakil rakyat bebas, Muhyiddin berkata, pihaknya akan menyiasatnya.